



**JABATAN PEMEGANG HARTA
MALAYSIA
TINGKAT 10, BANGUNAN BANK RAKYAT
JALAN TANGSI
KUALA LUMPUR.**

JPH.2/10/3/(1)

16 Mei 1986

Semua Ketua Bahagian/Cawangan.

ARAHAN JABATAN BIL. 4/1986 (LIKUIDASI)

**Pemindahan Wang Tak Dituntut dan Wang
Tidak Boleh Dibahagikan Kepada Pegawai
Penerima - Seksyen 286**

Perhatian tuan adalah ditarik kepada Seksyen 286 Akta Syarikat, 1965 yang mensyaratkan Pelikuidasi membayar wang yang tidak dituntut seperti dividen dan sebagainya dan wang yang tidak boleh dibahagikan dalam simpanan mereka kepada Pegawai Penerima untuk dikreditkan kepada Akaun Penggulangan Syarikat (Companies Liquidation Account). Untuk maksud ini, Ibu Pejabat telah diperuntukkan satu akaun sahaja dengan nombor kod 8924-7.

2. Sayugia dijelaskan bahawa dalam keadaan ini, Pelikuidasi luar telahpun mengambil tindakan menghantar wang yang tidak dituntut dari semasa ke semasa kepada Pegawai Penerima. Ibu Pejabat berpendapat bahawa syarat seperti terkandung dalam Seksyen 186 tersebut hendaklah juga meliputi Pelikuidasi Jabatan di Pejabat-pejabat Cawangan Pemegang Harta. Ini bermakna wang yang tidak dituntut yang dikreditkan balik ke akaun 'am harta syarikat di Pejabat-pejabat Cawangan hendaklah, selepas tempoh 6 bulan, dipindahkan ke Akaun Penggulangan Syarikat seperti tersebut di atas melalui baucer jurnal dan entrinya adalah seperti berikut:-

Debit Akaun Am harta Syarikat

Kredit Akaun Penggulangan Syarikat

8924-7

3. Perlu diingatkan bahawa pemindahan wang ini bukan sahaja mengenai wang yang ada dalam Akaun Am Harta Syarikat semasa ini, tetapi hendaklah secara berterusan. Oleh yang demikian tindakan susulan pemindahan wang itu ke atas wang yang tidak dituntut perlu dilakukan dari semasa ke semasa dan sebaik sahaja tempoh enam bulan itu tamat.

4. Seterusnya jika diterima sebarang tuntutan ke atas wang yang telah dipindahkan ke Akaun Penggulangan Syarikat itu maka tuntutan tersebut hendaklah diserahkan kepada Ibu Pejabat untuk menyelesaikannya.

5. Semua pemindahan wang ke dalam Akaun Penggulangan Syarikat ini hendaklah dibuat dengan menggunakan borang 76 Peraturan-Peraturan Syarikat 1966.

6. Arahan ini berkuatkuasa mulai dari sekarang.

Sila patuhi.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(ABU BAKAR BIN AWANG)

Pegawai Pemegang Harta/Pegawai Penerima
Malaysia.